

03 FEB 2002

Mahathir-Forum/I

PANDANGAN M'SIA MENGENAI MODAL DAN KEGANASAN DI FORUM PERDAGANGAN NY

Oleh: Salmy Hashim

NEW YORK, 3 Feb (Bernama) -- Mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang sedang berlangsung di sini akan mendengar pandangan Malaysia mengenai aliran modal dan usahanya memerangi keganasan pada Ahad.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tiba di sini pada malam Sabtu, akan menyampaikan ceramah khas mengenai Islam di negara moden dan turut serta dalam satu bengkel mengenai aliran modal pada Ahad.

Perdana Menteri tiba di sini dalam suasana bandar raya ini dikawal rapi oleh kira-kira 4,000 anggota polis. Forum perdagangan itu, biasanya diadakan di Davos, Switzerland, sebelum ini telah menarik kira-kira 2,000 orang yang mengadakan bantahan secara aman dengan membawa sepanduk "No WEF" dan sesetengahnya menjerit "US Out Of Afghanistan" dan "Shut Down Capitalism".

Kira-kira 18 daripada mereka yang mengadakan bantahan itu telah ditahan kerana melemparkan penghadang plastik ke arah pegawai polis, mencederakan tiga daripada mereka.

Mesyuarat lima hari yang dihadiri kira-kira 2,700 ahli perniagaan dan pemimpin politik dan tokoh terkemuka di seluruh dunia itu, diadakan di luar Davos buat pertama kalinya, sebahagiannya adalah bagi menunjukkan perpaduan dengan New York yang diserang pengganas pada 11 Sept.

Persekitaran perniagaan yang lembap telah menyebabkan ramai eksekutif Jepun tidak menyertai forum itu, walaupun tokoh perniagaan terkemuka Amerika seperti Bill Gates dari Microsoft hadir dan menjanjikan US\$50 juta (RM190 juta) bagi memerangi HIV/AIDS.

Sementara ketika ekonomi melambung, para eksekutif sibuk membincangkan mengenai revolusi Internet dan masa depan optik gentian, namun kejadian "9-11" itu telah menyebabkan para peserta mesyuarat itu taksud dengan keganasan, memastikan ibu pejabat korporat selamat dan juga memastikan bahan-bahan biologi dan kimia tidak jatuh ke tangan orang jahat.

Dr Mahathir dijadual melawat "Ground Zero", tapak bekas World Trade Centres yang dilanggar oleh dua pesawat yang dirampas oleh pengganas pada September.

Beliau akan berlepas ke Antartika pada Selasa bagi lawatan kerja selama enam hari diikuti dengan bercuti.

-- BERNAMA

SH MFJ RHM